

1 (a) Nyatakan **tiga** tujuan pengekosan. Bagi setiap tujuan, nyatakan satu contoh penggunaan pengekosan. (3)

(b) Syarikat Maju Jaya adalah pengeluar barangan eletrik. Berikut adalah jumlah kos yang terlibat untuk 5 000 unit keluaran.

	RM
Buruh langsung	420 000
Bahan langsung	330 000
Gaji pengarah	65 000
Gaji pejabat am	23 000
Gaji penyelia kilang	60 000
Pengiklanan	28 000
Bekalan pejabat am	4 800
Susut nilai peralatan pejabat	5 200
Susut nilai mesin	10 800
Insurans kilang	8 600
Cukai harta kilang	2 900

Dikehendaki :

Daripada maklumat di atas, hitung yang berikut.

- (i) kos langsung perkilangan
- (ii) kos tak langsung perkilangan
- (iii) kos tempoh
- (iv) kos keluaran seunit
- (v) Jelaskan perbezaan kos keluaran seunit jika pengeluaran pada 4 000 unit dan 7 000 unit. Nyatakan kelakuan kos untuk setiap unsur kos keluaran. (8)

(c) Encik Rosli baru membuka sebuah perniagaan runcit kecil. Sebagai pengurus perniagaan, beliau telah melantik anak saudaranya, Encik Kamarul sebagai jurujual. Tugas jurujual ialah membuat jualan. Oleh sebab perniagaan adalah baru, maka tiada lagi dokumen yang lengkap untuk setiap jenis urusaniaga. Encik Kamarul telah merekodkan semua jualan ke dalam sebuah buku yang telah disediakan.

Kerja perakaunan dijalankan secara manual oleh seorang kerani akaun. Cek berpaling daripada pelanggan dihantar terus kepada kerani akaun yang kemudiannya mencatatkan urusaniaga berkenaan dalam buku jurnal dan buku lejar. Encik Rosli mengandaikan bahawa kerani akaun telah menyemak dengan teliti, dengan itu beliau tidak perlu lagi memeriksanya.

Syarikat mengamalkan sistem penilaian inventori secara berterusan, iaitu setiap penjualan dan pembelian inventori akan direkodkan terus ke dalam lejar inventori. Oleh itu, Encik Rosli berpendapat bahawa semakan inventori fizikal tidak perlu dilakukan kerana ini akan membuang masa dan menambah kos.

<http://edu.joshuatly.com/>

<http://www.joshuatly.com/>

Dikehendaki :

- (i) Nyatakan kelemahan kawalan dalaman dan kesan yang mungkin timbul dalam sistem urusniaga di atas
- (ii) Berikan cadangan yang sesuai untuk mengatasinya
- (iii) Huraikan **empat** objektif kawalan dalaman bagi sebuah organisasi perniagaan
- (iv) Perihalkan dengan ringkas faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh Encik Rosli semasa memilih pakej perisian untuk sistem perakaunan berkomputer (14)

- 2 (a) Syarikat Pasti Maju menjual barangan keperluan untuk pasaran tempatan. Berdasarkan tahap keluaran syarikat, keperluan bahan ialah 30 000 liter setahun. Pembekalan bahan adalah pada harga tetap, iaitu RM20 seliter, tetapi diskaun kuantiti diberikan seperti yang berikut.

Antara 1 000 – 1 500	2%
Antara 1 501 – 3 000	5%
Melebihi 3 001	8%

Kos setiap pesanan ialah RM100. Kos pemegangan inventori ialah 10% setahun. Permintaan semasa satu pesanan ialah 1 500 liter. Syarikat beroperasi 300 hari setahun. Masa menunggu ialah 10 hari.

Dikehendaki :

- (i) Hitung kuantiti pesanan ekonomi
- (ii) Hitung titik pesanan semula
- (iii) Hitung jumlah kos yang boleh dijimatkan jika kuantiti per pesanan adalah mengikut kuantiti pesanan ekonomi
- (iv) Dengan mengandaikan kuantiti stok bahan yang ada semasa bahan sampai ialah 500 liter, lakarkan pada graf dengan menunjukkan kuantiti stok bahan apabila bahan diterima dan titik pesanan semula. (12)

- (b) Nyatakan **empat** faktor kualitatif yang perlu dipertimbangkan dalam mengamalkan teknik kuantiti pesanan ekonomi (2)

- (c) Syarikat Pasti Maju telah memberi maklumat untuk kerja No.268 pada bulan Ogos 2010.

Kadar upah sejam	RM3.5 sejam
Jumlah jam biasa	820 jam
Jumlah jam lebih masa	240 jam
Bonus kumpulan	RM500
Caruman KWSP majikan	RM340
Potongan pekerja: KWSP	RM198
Cukai pendapatan	RM220

Daripada tiket kerja yang dikumpulkan, didapati syarikat telah menghadapi kerosakan mesin selama 40 jam sepanjang bulan Ogos. Bayaran lebih masa adalah pada kadar 1 1/2.

Dikehendaki :

- (i) Hitung jumlah upah yang ditanggung serta tentukan amaun upah langsung dan upah tak langsung untuk kerja No.268
- (ii) Hitung amaun yang perlu dibayar kepada pekerja langsung
- (iii) Tunjukkan catatan jurnal untuk merekodkan upah belum bayar pada akhir bulan Ogos 2010 (11)

3 (a) Kilang Bagus menggunakan sistem pengekosan kerja tempahan. Kilang mempunyai dua jabatan pengeluaran iaitu jabatan A dan jabatan B, dan dua jabatan perkhidmatan iaitu jabatan stor dan jabatan penyelenggaraan. Belanjawan overhed perkilangan untuk tahun 2010 adalah seperti yang berikut.

	Jabatan A	Jabatan B	Jabatan Stor	Jabatan Penyelenggaraan
Kos overhed kilang (RM)	144 000	248 000	106 000	72 000
Jam buruh langsung	24 000	31 000	26 500	18 000
Jam mesin	20 000	49 600		
Bilangan pesanan bahan	700	900		
Jam penyelenggaraan	2 000	4 000		

Dikehendaki :

- (i) Hitung kadar kos overhed bagi jabatan A (berasaskan jam mesin) dan jabatan B (berasaskan jam buruh langsung)
- (ii) Jelaskan mengapa kos jabatan perkhidmatan perlu diperuntukkan kepada keluaran-keluaran melalui proses perumpukan kos. Berikan empat contoh kos sedemikian (8)

(b) Syarikat Jus Sedap mengeluarkan dan menjual jus epal dalam botol seberat 250ml. Maklumat berkaitan dengan pengeluaran bagi tahun 2009 adalah seperti yang berikut.

	RM sebotol
Harga jualan	5.00
Kos pengeluaran berubah	1.20
Kos jualan berubah	1.80
Kos pengeluaran tetap	0.60
Kos jualan tetap	0.30

Kos pengeluaran tetap seunit dan kos jualan tetap seunit adalah berasaskan kapasiti pengeluaran normal 60 000 botol setahun.

Dikehendaki :

- (i) Hitung kos kerja dalam proses pada akhir tempoh dan kos kerja siap dalam tempoh
- (ii) Sediakan akaun kerja dalam proses (12)

(b) Perniagaan Hamid dan rakan-rakan merupakan sebuah firma perkongsian perakaunan yang mengkhusus dalam bidang pengauditan. Kadar yuran akauntan ialah RM120 sejam. Pembantu professional kepada akauntan dibayar RM50 sejam. Berikut adalah maklumat kos yang berkaitan dengan tiga kes audit bagi bulan Ogos 2010 yang sedang dikendalikan.

	Kes 1	Kes 2	Kes 3
Masa akauntan (jam)	40	42	35
Masa pembantu professional (jam)	84	60	75
Kos operasi langsung (RM) :			
Fotokopi	120	80	128
Telefon	68	50	55
Perjalanan	350	250	300

Kadar overhead pratentu untuk semua kos operasi tak langsung ialah 80% atas upah langsung.

Maklumat tambahan :

	RM
Aktiviti dalam proses pada 1 Ogos 2010	12 800
Aktiviti dalam proses pada 31 Ogos 2010	14 600
Belanja promosi	5 200
Belanja pentadbiran	7 700

Dikehendaki :

- (i) Sediakan penyata kos perkhidmatan untuk bulan Ogos 2010 bagi Perniagaan Hamid dan rakan-rakan.
- (ii) Dengan mengandaikan perniagaan ini menokok 30% atas jumlah kos dalam menentukan caj yuran audit, sediakan penyata pendapatan bagi Perniagaan Hamid dan rakan-rakan untuk tempoh yang sama.
- (iii) Hitung caj yuran audit untuk kes 1 dengan menggunakan tokokan 30%. <http://edu.joshuatly.com/>
<http://www.joshuatly.com/> (13)

5 (a) Syarikat Jimat Cermat Bhd mengeluarkan tiga jenis keluaran, iaitu A, B dan C telah memberikan maklumat yang berikut.

Keluaran	A	B	C
Jangkaan permintaan jualan (unit)	3 000	2 500	4 200
Harga jualan	RM24.80	RM25.80	RM32.00
Kos berubah seunit :			
Bahan mentah	RM6	RM7.50	RM8.00
Buruh langsung (RM3 sejam)	RM6.30	RM2.70	RM9.00
Overhed berubah (RM0.50 sejam)	RM2.00	RM1.65	RM3.00

Pada masa cuti bulan September, syarikat telah mendapat tempahan yang banyak daripada pelanggan untuk ketiga-tiga jenis keluaran. Syarikat mempunyai hanya 100 orang pekerja langsung yang bekerja selama 40 jam seminggu. Kos tetap syarikat ialah RM48 000.

Dikehendaki :

- (i) Tentukan keutamaan keluaran antara 3 jenis produk tersebut.
- (ii) Tentukan campuran unit keluaran yang memaksimumkan untung.
- (iii) Hitung jumlah untung maksima yang dapat diperolehi oleh syarikat. (14)

(b) Syarikat Hitech Bhd mengeluarkan sejenis produk kimia berjenama Deluxe yang dibuat daripada bahan kimia yang diimport, H8. Pengeluaran 1 unit Produk Deluxe memerlukan penggunaan 6 kg H8. Produk Deluxe mempunyai margin sumbangan sebanyak RM12 seunit. Syarikat baru menerima tawaran untuk mengeluarkan 1,500 unit produk yang berjenama Standard pada harga RM52 seunit. Produk Standard juga menggunakan H8 sebagai bahan mentah utama. Berikut adalah kos pengeluaran 1 unit Produk Standard.

	RM
Bahan mentah H8 (RM5 sekg)	25.50
Buruh langsung	6.50
Overhed perkilangan berubah	9.00
Overhed perkilangan tetap	11.00

Dikehendaki :

- (i) Dengan menunjukkan penghitungan, nyatakan sama ada tawaran itu patut diterima oleh Syarikat Hitech Bhd. Jika tawaran itu diterima, berapakah harga minima seunit harus dikenakan?
- (ii) Sekiranya syarikat tidak mempunyai bekalan bahan mentah H8 yang mencukupi, penggunaan bahan mentah H8 untuk mengeluarkan Produk Standard akan mengurangkan pengeluaran Produk Deluxe. Patutkah tawaran ini diterima oleh Syarikat Hitech Bhd? Jika tawaran itu diterima, berapakah harga minima seunit yang harus dikenakan? (8)

(c) Takrifkan kos relevan dan berikan dua contoh kos relevan. (3)

6 Syarikat Wawasan Bhd adalah syarikat pengeluar bahan logam yang mengeluarkan tiga jenis keluaran iaitu X, Y dan Z. Setiap keluaran yang dipasang terdiri daripada satu bingkai tembaga dan beberapa komponen yang sama jenis tetapi berbeza kuantitinya.

Permintaan yang berterusan terhadap keluaran ini menyebabkan syarikat terpaksa menyediakan satu belanjawan yang sesuai bagi tempoh perakaunan yang akan datang. Yang berikut ialah maklumat tentang jualan dan pengeluaran untuk tempoh yang dibelanjawankan.

Keluaran	X	Y	Z
Jualan (unit)	2 000	2 500	2 800
Penggunaan komponen bagi setiap unit keluaran :			
SK I (RM5 seunit)	5	1	3
SK II (RM8 seunit)	1	3	-
Bingkai (RM20 seunit)	1	1	1
Penggunaan buruh langsung bagi setiap unit keluaran :			
Buruh mahir (RM6 sejam)	2	1.5	1.5
Buruh kurang mahir (RM4.50 sejam)	2	2	2

Overhed pengeluaran dianggar berjumlah RM545 000 dan diserapkan kepada keluaran berasaskan jam buruh langsung. Kadar overhed pratentu dihitung berasaskan tahap aktiviti normal 50 000 jam buruh langsung. Pada akhir tempoh semasa, stok dijangka berada pada tahap yang ditunjukkan.

<i>Stok akhir</i>	Keluaran :	X	500 unit	
		Y	700 unit	
		Z	1 200 unit	
<i>Stok akhir</i>	Komponen :	SK I	900 unit	810
		SK II	2 200 unit	1980
		Bingkai	1 800 unit	1620

Disebabkan kadar faedah telah meningkat dan syarikat menggunakan kemudahan overdraf bank, ini akan memberi kesan penurunan sebanyak 10% ke atas setiap jenis stok keluaran dan belian bahan mentah sepanjang tempoh belanjawan.

Dikehendaki :

- (a) (i) Sediakan belanjawan pengeluaran dan hitung kos perkilangan seunit bagi setiap jenis keluaran.
- (ii) Sediakan belanjawan belian yang menunjukkan kuantiti bahan yang dibeli dan jumlah kosnya.
- (iii) Sediakan belanjawan buruh langsung mengikut jenis keluaran. (19)

(b) Dari maklumat (a) di atas, diandaikan syarikat sedang beroperasi pada peringkat aktiviti 100%, sediakan satu belanjawan pengeluaran boleh lentur bagi peringkat aktiviti 80%, 100% serta 120% untuk keluaran X (6)

SOALAN TAMAT